

09/04/2000

MTUC pertahan hasil kajian

Zainudin Isa

PETALING JAYA: Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) semalam mempertahankan kajiannya mengenai penetapan gaji minimum sebagai satu garis panduan berguna kerana ia pertama kali dilaksanakan di negara ini.

Presidennya, Senator Zainal Rampak, berkata MTUC sudah lama menunggu kajian serupa oleh Kementerian Sumber Manusia, tetapi sehingga kini tiada kajian mengenainya.

Sehubungan itu, beliau berkata MTUC kesal dengan kenyataan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn, kelmarin yang menganggap kajian itu tidak tepat serta tidak boleh diguna pakai.

"Sepatutnya kementerian harus menghargai usaha MTUC kerana ini kali pertama dalam sejarah kajian penetapan gaji minimum dibuat," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat MTUC, di sini semalam.

Beliau mengulas laporan akhbar kelmarin memetik Dr Fong sebagai berkata antara kesalahan ketara dalam kajian MTUC ialah menggunakan data Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Kebajikan Sosial Pekerja (Socso) sebagai asas pengiraan kadar gaji pekerja.

Sebaliknya, Dr Fong berkata, mengikut sistem caruman KWSP dan Socso, potongan gaji dibuat berdasarkan gaji pokok dan tidak termasuk elaun, ganjaran dan faedah sampingan.

MTUC pada 17 Mac lalu mengumumkan hasil kajian mengenai penetapan gaji minimum pekerja dan mendakwa hampir dua juta pekerja di negara ini menerima gaji kurang RM600 sebulan.

Menjelaskan beberapa kekeliruan dalam kenyataan Dr Foong itu, Zainal berkata MTUC tiada pilihan selain menggunakan data KWSP dan Socso kerana itulah perangkaan yang boleh dirujuk di negara ini.

"Kita mengharapkan data atau kajian menyeluruh daripada kementerian sebagai rujukan, tetapi mereka tidak pernah melakukannya.

"Kalau mereka mempertikaikan kajian MTUC, mengapa tidak mereka membuatnya sekarang. Kami sedia memberi kerjasama penuh demi kepentingan pekerja," katanya.

Beliau juga mempertikaikan mengenai kenyataan Dr Fong yang menggunakan perbandingan berdasarkan Kajian Pendapatan Isirumah Kebangsaan yang menyebut kadar pendapatan bagi keluarga yang menyara 4.6 orang di negara ini sebanyak RM460 sebulan.

Manurutnya, kadar itu sebenarnya sudah lapuk lebih 10 tahun lalu dan ia tidak boleh dijadikan asas dalam penetapan kadar gaji pekerja.

"Jika RM460 sebulan, adalah mustahil pekerja di negara ini mampu menampung semua kos hidup yang semakin meningkat.

"Kami juga keliru kerana pada 1998 Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah mencadangkan bahawa kadar pendapatan kasar satu isi rumah sepatutnya RM1,200 sebulan. Mengapa kedua-dua kenyataan ini sangat jauh berbeza," katanya.

Beliau turut menyangkal bahawa jika dilaksanakan penetapan gaji minimum itu boleh membantutkan kemasukan pelabur asing ke negara ini.

Menurutnya, faktor kemasukan pelabur tidak banyak dipengaruhi oleh kos buruh tetapi lebih kepada soal kestabilan politik, ketelusan, keharmonian industri, produktiviti dan kemahiran pekerja.

Malah, Zainal berkata pekerja Malaysia telah diiktiraf dari segi kemahiran dan ketinggian produktiviti sebagai kedua terbaik di Asia, selepas Jepun.

(END)

